

SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 11 TAHUN 2021**

**TARIKH : 28 DISEMBER 2021 (SELASA)**  
**MASA : 9.30 PAGI**  
**TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, - Pengerusi  
*D.I.M.P*  
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
4. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
5. Encik Mohd Safiee bin Harun - Ahli Majlis
6. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
7. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
8. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
9. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
10. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
11. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
12. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
13. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
14. Encik Yong Keh Chyn - Ahli Majlis
15. Encik Abu Bakar bin Mohamad - Ahli Majlis
16. Encik Naharanuar bin Ayob - Ahli Majlis
17. Puan Rogayah binti Ibrahim - Ahli Majlis
18. Encik Norazmi bin Mohamed Tahir - Ahli Majlis
19. Encik Lim Lip Suan - Ahli Majlis

20.	YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.</i>	-	Ahli Majlis
21.	Encik Tan Wee King	-	Ahli Majlis
22.	Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy	-	Ahli Majlis
23.	Encik Panalsalwa a/l R Kuppan	-	Ahli Majlis
24.	Encik Zulkipli bin Said	-	Ahli Majlis
25.	Encik Abd Razak bin Ramli	-	Ahli Majlis
26.	TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i>	-	Setiausaha

#### **TURUT HADIR**

1.	Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>	-	Pengarah Jabatan Perbendaharaan
2.	Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>	-	Pengarah Jabatan Kejuruteraan
3.	Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i>	-	Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
4.	Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap	-	Pengarah Jabatan Landskap
5.	Puan Lisawati binti Abd. Karim	-	Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
6.	Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i>	-	Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
7.	Encik Syamsol Herwan bin Ahmad	-	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
8.	Puan Nordila binti Yasir	-	Pengarah Jabatan Pelesenan
9.	Puan Norain binti Mohamed	-	Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran
10.	Puan Hashila binti Hamzah	-	Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

- |     |  |   |  |
|-----|--|---|--|
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin                   | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat                      |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim                       | - | Ketua Unit Pusat Setempat                              |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam     | - | Ketua Unit Audit Dalam                                 |
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan,<br><i>P.P.T.</i> | - | Ketua Unit Perundangan & Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 15. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin                        | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan                        |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin              | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra            |

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

- |    |                                |   |                             |
|----|--------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 2. | Puan Rosmawati binti Othman    | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<b>UCAPAN PENGERUSI</b>	
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Al Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Penolong Setiausaha, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut :</p>	
	<p>1.1 Semua pihak perlu bersiap sedia dalam menghadapi segala bencana yang bakal mendatang dimana berlaku bencana banjir pada bulan Disember 2021 ini. Namun begitu bukan daerah Kuala Langat sahaja yang terkesan dengan kejadian banjir ini. Hasil pemantauan mendapati paras air sungai masih tinggi. Pihak Majlis menzahirkan rasa simpati kepada mangsa-mangsa banjir dan berharap semua pihak dapat bersama-sama membantu mereka yang terjejas.</p> <p>Kerajaan Negeri ada menyediakan bantuan dan insentif dimana penyelarasan dilakukan oleh Pejabat Daerah/Tanah masing-masing. Oleh itu, Ahli Majlis kawasan yang terlibat dipohon untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh PDTKL berkaitan bantuan berkenaan.</p>	<b>Makluman</b>
2.0	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>	
	<b>2.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 NOVEMBER 2021</b>	
	Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Naharanuar bin Ayob dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>

3.0	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	- TIADA -		
4.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</b>		
	4.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAН BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.1.1	<p><b><u>Perkara 5.3.1</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat banyak kedai dan bank yang tidak menyediakan petak letak kereta OKU di hadapan premis masing-masing. Selain itu, terdapat petak letak kereta OKU yang tidak menyediakan <i>ramp</i>.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan bahawa pihak MPKL telah melantik konsultan untuk menjalankan kajian berkaitan tempat letak kenderaan melibatkan petak letak kereta, motorsikal dan petak OKU.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha menyatakan penyediaan petak OKU adalah berdasarkan ratio mengikut kawasan yang terlibat. Terdapat bank-bank yang menyediakan kemudahan petak OKU di hadapan premis masing-masing.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.1.2	<b><u>Perkara 6.6.3</u></b>	
		Cik Ang Lee Yong memaklumkan beberapa kemalangan berlaku di simpang empat lorong belakang Jalan Cempaka Wangi 1 dan Jalan Cempaka Wangi 3, Taman	

		<p>Cempaka. Beliau memohon pihak Majlis melihat semula aliran trafik di situ demi keselamatan orang awam.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan akan melihat semula pelan aliran trafik dan parkir di kawasan tersebut.</i></p>	
	4.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 DISEMBER 2021.</b>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
	4.2.1	<p>Encik Yong Keh Chyn membangkitkan mengenai pelaksanaan petak parkir berbayar melibatkan Jalan Telok Bunut, Bandar Sungai Emas, Tropicana Aman dan Rimbayu. Beliau ingin tahu status pelaksanaan di kawasan Jenjarom memandangkan terdapat surat bantahan dikemukakan kepada pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan petak parkir di Jenjarom akan dilaksanakan di hadapan kedai sahaja. Hasil kajian yang dilakukan oleh pihak konsultan mendapati tiada petak letak motorsikal di beberapa kawasan di situ. Oleh itu, pihak Majlis akan menyusun semula kedudukan petak parkir berdasarkan saranan oleh pihak konsultan untuk mengawal penggunaan petak parkir di kawasan berkenaan. Mesyuarat Pengurusan MPKL baru-baru ini telah bersetuju untuk melaksanakan parkir berbayar di kawasan industri Sungai Emas. Beliau telah membentangkan pelaksanaan petak parkir berbayar di kawasan baharu seperti di <b>Lampiran A</b>.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong berharap Ahli Majlis dimaklumkan terlebih dahulu sebelum melaksanakan parkir berbayar di kawasan baharu.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin menyatakan perkara ini telah dimaklumkan pada tahun 2019 dimana pihak Jabatan telah bersetuju untuk memaklumkan kepada semua Ahli Majlis sebelum kertas mesyuarat kenaan petak parkir berbayar dibentangkan dalam mesyuarat. Namun tiada</i></p>	<b>Makluman</b>

		<p><i>kertas mesyuarat yang dibentangkan berkaitan perkara ini.</i></p> <p><i>Pengarah JP menyatakan tiada pembentangan kertas mesyuarat berkaitan kenaan petak parkir berbayar ini memandangkan kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan parkir berbayar. Namun sekiranya terdapat keperluan, pihak Jabatan akan membentangkan kertas mesyuarat pelaksanaan parkir berbayar di kawasan baharu pada masa akan datang.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih memaklumkan jumlah petak parkir di kawasan seliaan MPKL semakin berkurangan kerana terdapat banyak lori dan kereta terlantar diletakkan di petak parkir kereta. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak Majlis mengenal pasti tapak untuk meletakkan lori atau kereta terlantar ini.</i></p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan untuk tahun 2022 pihak Majlis telah menyediakan bajet sebanyak RM 2 juta untuk menyediakan depoh simpanan kenderaan terlantar berkeluasan 2.5 ekar.</i></p> <p><i>Mesyuarat bersetuju meneruskan cadangan pengenaan caj parkir di kawasan baru bagi memastikan susunan parking bagi kereta, motorsikal dan petak OKU dapat dikawal.</i></p>	
	4.2.2	<p>Encik Naharanuar ingin tahu sekiranya pihak Majlis ada menyediakan peruntukan khas bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman melibatkan kawasan banjir. Beliau mendapati sampah-sampah diletakkan di tepi jalan dan kerja-kerja pembersihan dijangka mengambil masa yang lama menyebabkan sampah ini berbau. Beliau khuatir ia akan menjadi punca kepada penyakit berjangkit yang lain. Oleh itu, sampah-sampah ini perlu diambil tindakan segera.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis tidak menyediakan peruntukan khusus berkaitan perkara ini. Kerja-kerja pembersihan dilakukan secara berterusan melalui Skuad Pantas, JPSPKP dan pasukan sukarelawan daripada seluruh negara yang banyak membantu mangsa banjir ini .</i></p>	<b>Makluman</b>

		<p><i>YBhg. Dato' Pengurus memaklumkan pihak JKP akan menyediakan SOP berkaitan perkara ini.</i></p> <p><i>Encik Zulkipli memaklumkan sampah sisa banjir ini telah berbau dan perlu dibersihkan dengan segera. Ketika ini penduduk-penduduk sedang terkesan dengan kejadian banjir yang berlaku dan memerlukan sokongan untuk membina semula kehidupan.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha memaklumkan Mesyuarat Membincangkan Bencana Banjir yang dipengerusikan oleh YB. Dato' SUK telah meminta pihak KDEB untuk menyelaraskan kerja-kerja pembersihan di kawasan banjir. Memandangkan jumlah mangsa banjir yang ramai, kerja-kerja pembersihan akan dilakukan secara berperingkat.</i></p> <p><i>Encik Naharanuar mencadangkan satu mesyuarat diadakan bagi membincangkan pengurusan banjir oleh pihak Majlis melibatkan kawasan yang terjejas.</i></p>	
	4.2.3	<p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil tindakan menampal jalan-jalan yang rosak akibat banjir. Selain itu, beliau memaklumkan Ahli Majlis tidak mendapat maklumat yang terkini dan penjelasan yang tepat mengenai tindakan yang diambil oleh pihak MPKL dan PDTKL berkaitan isu banjir ini.</p> <p>Ketika ini banyak bantuan berbentuk barang dan bekalan makanan diberikan oleh pelbagai pihak kepada penduduk yang terjejas. Namun beliau berpendapat penduduk juga memerlukan bantuan wang tunai untuk membaiki barang elektrik yang telah rosak. Memandangkan tuntutan bayaran peruntukan MPP akan ditutup pada 15 Disember setiap tahun, beliau mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan membincangkan mengenai penyediaan satu tabung khas yang boleh digunakan untuk tujuan ini.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon berpendapat penyediaan peruntukan khas ini amat penting dan mencadangkan sedikit peruntukan Ahli Majlis bagi tahun 2022 digunakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini.</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>Pihak Majlis mengambil perhatian pandangan yang diberikan oleh Ahli Majlis dan akan membincangkannya di peringkat MPKL.</i>	
	4.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	4.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.4.1	<p><b><u>Perkara 3.1</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon JL memasang papan tanda peringatan mengenai aktiviti yang dilarang dilakukan di taman permainan seperti yang terdapat di dalam UUK. Lokasi pemasangan adalah di Jalan Mentari, Bandar Mahkota.</p> <p><i>Tuan Setiausaha menyatakan JL akan mengkaji cadangan tersebut dan berpendapat maklumat di papan tanda tersebut boleh diringkaskan memandangkan terdapat 24 aktiviti yang dilarang.</i></p>	JL
	4.5	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	<b>4.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.6.1	<p><b><u>Perkara 4.2</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai kenderaan buruk yang terdapat di kawasan perumahan dan premis kedai. Beliau ada membaca akhbar SelangorKini yang menyatakan Majlis Perbandaran Kajang merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama menggunakan kaedah kitar semula dengan menjalankan kerjasama dengan Car Medic Sdn. Bhd. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak MPKL berhubung dengan MP Kajang atau menjemput pihak Car Medic memberikan taklimat berhubung kaedah pelupusan kenderaan buruk ini.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan telah menghadiri program perasmian tersebut baru-baru ini dan mendapati kaedah pelupusan yang dilakukan adalah sama seperti yang dilaksanakan oleh pihak Majlis. Namun MP Kajang menggunakan/melantik Car Medic Sdn. Bhd. sebagai panel untuk proses pelupusan kenderaan terburuk. Pada masa ini, pihak Car Medic Sdn. Bhd akan menunda kenderaan buruk ini ke depoh simpanan milik MP Kajang memandangkan pihak syarikat mempunyai depoh simpanan yang kecil.</i></p> <p><i>Pihak Jabatan akan merujuk MP Kajang mengenai status pencapaian program tersebut dan akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan kaedah pelupusan tersebut di Kuala Langat.</i></p>	<b>Makluman</b>

	<b>4.7</b>	<b>MESYUARAT KEMASYARAKATAN BILANGAN 11 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 DISEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.7.1	<p><b><u>Perkara 4.1</u></b></p> <p>Encik Wong Kim Loon memaklumkan sebelum ini telah memohon untuk mendapatkan laporan tersebut daripada JKPM tetapi masih belum di emel.</p> <p><i>Pengarah JKPM memohon maaf dan memaklumkan akan mengedarkan laporan tersebut kepada semua Ahli Majlis dalam masa terdekat.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.7.2	<p><b><u>Perkara 5.1.1</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu status pewartaan balai raya kepada pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan telah menghantar permohonan pewartaan 16 unit balai raya kepada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan masih menunggu kelulusan berkaitan perkara ini.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha menyatakan Jabatan Perancangan Pembangunan ada menerima sesalinan surat daripada PDTKL yang memohon ulasan berkaitan tapak balai raya tersebut.</i></p>	<b>Makluman</b>

5.0	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	5.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 21 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 NOVEMBER 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	5.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 22 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 NOVEMBER 2021</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
6.0	<b>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>		
	6.1	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></b></p> <p><b>CADANGAN MEMOHON KUASA KEBENARAN MENANDATANGANI CEK DAN EFT SETELAH PELANTIKAN SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i>1. <u>Latar belakang</u></i></p> <p>1.1 Dimaklumkan bahawa telah menjadi dasar MPKL bahawa cek-cek dan EFT yang dikeluarkan untuk bayaran melebihi RM 25 ribu ke atas hendaklah ditandatangani oleh tiga (3) orang iaitu Yang Dipertua, Setiausaha dan Pengarah Jabatan Perbendaharaan. Manakala bagi amaun kurang daripada RM 25 ribu hanya dua (2) orang sahaja daripada tiga orang seperti di atas.</p>	JP

1.2 Mesyuarat MPKL Bilangan 3 Tahun 2021 telah memutuskan cek dan EFT hanya perlu ditandatangani oleh dua (2) orang sahaja iaitu Yang Dipertua dan Pengarah Jabatan Perbendaharaan tanpa had selepas Encik Mohd Azrul bin Hashim, mantan Setiausaha ditukarkan.

1.3 Pegawai yang telah diberi kuasa untuk menandatangani cek-cek dan EFT tersebut adalah seperti berikut :

Nama	Jawatan
Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.	Yang Dipertua
Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.	Pengarah Jabatan Perbendaharaan

1.4 Dimaklumkan juga bahawa Yang Dipertua dan Setiausaha MPKL merupakan Pegawai Lantikan Secara Pinjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

## 2. Asas permohonan

2.1 Ini bertujuan untuk mematuhi Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2018 iaitu Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di Bawah Kawalannya (Arahan Perbendaharaan 11).

2.2 Dimaklumkan bahawa TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat telah dilantik sebagai Setiausaha MPKL pada 1 November 2021.

2.3 Susulan pelantikan tersebut maka segala cek dan EFT yang dikeluarkan perlu ditandatangani oleh tiga (3) orang iaitu Yang Dipertua, Setiausaha dan Pengarah Jabatan Perbendaharaan.

		<p>2.4 Bagi bayaran melebihi RM 25 ribu ke atas hendaklah ditandatangani oleh tiga (3) orang. Manakala kurang daripada RM 25 ribu, dua (2) orang sahaja daripada tiga orang seperti dinyatakan di atas.</p> <p>3. <u>Syor urus setia</u></p> <p>3.1 Berikut adalah pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani cek dan EFT :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Nama</th><th>Jawatan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i></td><td>Yang Dipertua</td></tr> <tr> <td>TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i></td><td>Setiausaha</td></tr> <tr> <td>Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i></td><td>Pengarah Jabatan Perbendaharaan</td></tr> </tbody> </table> <p>3.2 Kuasa menandatangani cek dan EFT pada para 1.3 akan terbatal dengan sendirinya dan digantikan mengikut kuasa baru pada para 3.1.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	Nama	Jawatan	Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i>	Yang Dipertua	TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i>	Setiausaha	Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>	Pengarah Jabatan Perbendaharaan	
Nama	Jawatan										
Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i>	Yang Dipertua										
TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i>	Setiausaha										
Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>	Pengarah Jabatan Perbendaharaan										
	6.2	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></b></p> <p><b>PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BIL. 11/2021</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Justifikasi permohonan</u></p> <p>1. Unit Perolehan dan Ukur Bahan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPKL Kali Ke 14/2021 yang bersidang pada 18 November 2021 telah bersetuju untuk membuat</p>	JP								

	<p>pembelian mesin perincih <i>heavy duty</i> berpusat untuk kegunaan semua kakitangan MPKL.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Oleh yang demikian, pihak UPUB memohon untuk membuat pindahan peruntukan dari kod Bekalan Pejabat (B27101) ke kod aset iaitu kod Alat Kelengkapan Elektrik Yang Lain (A35399) sebanyak RM 39,500.00</li> <li>3. Berikut merupakan spesifikasi, harga dan kos pemasangan bagi sebut harga pembelian mesin tersebut :</li> </ol> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th><th>Anggaran kos (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 unit mesin perincih Jenama : IDEAL Model : 4108 <i>Sheet capacity</i> : 100 hingga 120 helai Saiz bin : 300 liter, 6 mm <i>Security Level 2</i> <i>Ideal shredder special lubricating oil</i> (5 liter)</td><td>39,500.00</td></tr> <tr> <td>Pakej termasuk penghantaran dan pemasangan</td><td></td></tr> <tr> <td>Jumlah anggaran kos</td><td>39,500.00</td></tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Bagi mengikuti prosedur perakaunan yang betul, kod-kod pindah peruntukan perlu dilakukan bagi kepada kod yang berbeza. Pindahan kepala kod yang berbeza perlu mendapat kelulusan mesyuarat sebelum dipindahkan. Kod vot yang perlu dipindah masuk dan dipinda keluar adalah seperti di <b>Lampiran B</b>.</li> </ol> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan pindah peruntukan ini.</p>	Perkara	Anggaran kos (RM)	1 unit mesin perincih Jenama : IDEAL Model : 4108 <i>Sheet capacity</i> : 100 hingga 120 helai Saiz bin : 300 liter, 6 mm <i>Security Level 2</i> <i>Ideal shredder special lubricating oil</i> (5 liter)	39,500.00	Pakej termasuk penghantaran dan pemasangan		Jumlah anggaran kos	39,500.00
Perkara	Anggaran kos (RM)								
1 unit mesin perincih Jenama : IDEAL Model : 4108 <i>Sheet capacity</i> : 100 hingga 120 helai Saiz bin : 300 liter, 6 mm <i>Security Level 2</i> <i>Ideal shredder special lubricating oil</i> (5 liter)	39,500.00								
Pakej termasuk penghantaran dan pemasangan									
Jumlah anggaran kos	39,500.00								

	<p><b>6.3 <u>ADDENDUM NO. 1</u></b></p> <p><b>PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 10 TINGKAT (250 UNIT TERMASUK 1 UNIT PENTHOUSE ARAS BUMBUNG)</b></li> <li>ii. <b>2 UNIT RESTORAN</b></li> <li>iii. <b>KOLAM RENANG (20m x 10m, 5m x 5m)</b></li> <li>iv. <b>GIMNASIUM</b></li> <li>v. <b>PEJABAT</b></li> </ul> <p><b>DI ATAS LOT PT 817, MUKIM JUGRA, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN T.G. DEVELOPMENT PARK SDN. BHD.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Latar belakang</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak Jabatan telah menerima permohonan daripada Tetuan T.G. Development Park Sdn. Bhd. Pada 22 Disember 2021 dan ulasan jabatan teknikal adalah seperti berikut :             <ol style="list-style-type: none"> <li>1.1 Jabatan Bomba dan Penyelamat KLIA : Menyokong</li> <li>1.2 Tenaga Nasional Berhad : Tiada halangan</li> <li>1.3 Telekom Malaysia : Menyokong</li> <li>1.4 Pengurusan Air Selangor : Belum mendapat kelulusan</li> <li>1.5 Indah Water Konsortium : Belum mendapat ulasan</li> </ol> </li> <li>2. Pemakluman Perakuan Siap dan Pematuhan Berperingkat CCC :             <ol style="list-style-type: none"> <li>2.1 Jabatan Kawalan Bangunan – Mengambil maklum Borang G12 (Bangunan). Rujukan : MDKL/JKB/1/CCC/4/1212 (4) bertarikh 24 Disember 2021.</li> </ol> </li> </ol>	JPL
--	---	-----

2.2 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran – Menyokong.  
Rujukan : MPKL/JPSPKP/KS/UKA/1061/21(6) bertarikh : 24 Disember 2021.

Maklumat pemohon

Nama pengarah	Dato' Milton Norman Ng Kwee Leong
Nama syarikat	T.G. Development Park Sdn. Bhd. (Anak Syarikat Amverton Berhad)
Alamat premis	Lot 18028 PT 817, Mukim Jugra, Daerah Kuala Langat, Selangor
Status premis	Premis berada dalam kawasan MPKL
Aktiviti lesen perniagaan sementara dipohon	1. Hotel 2. Pejabat Syarikat 3. Restoran Gimnasium 4. Kolam renang
Maklumat premis	1. Premis yang dipohon adalah berstatus hotel. 2. Premis adalah binaan kekal. 3. Premis ini dalam proses kelulusan CCC.

Syor jabatan

1. Merujuk UUK Tred, Perniagaan & Perindustrian (MDKL) 2007 menyatakan lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti keputusan lesen perniagaan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
2. Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini memandangkan pangrupi 250 unit ini dilengkapi dengan taman tema dapat menjadi

		<p>tarikah pelancong ke daerah Kuala Langat di dalam fasa pemulihan bagi sektor pelancongan.</p> <p>3. Jabatan Pelesenan, MPKL mengesyorkan permohonan ini diberi lesen perniagaan sementara selama 6 bulan untuk mematuhi syarat-syarat teknikal sehingga mendapat kelulusan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).</p> <p>4. Sekiranya mesyuarat meluluskan permohonan ini, pihak Jabatan mengesyorkan syarat-syarat seperti berikut :</p> <p>4.1 Fi lesen perniagaan sementara bagi aktiviti perniagaan (tred) dikenakan mengikut UUK 16 – Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKL) 2007 iaitu fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.</p> <p>4.2 Jika permohonan ini diluluskan, bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis lesen</th><th>Jumlah (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hotel (250 bilik)</td><td>4,000.00</td></tr> <tr> <td>Pejabat syarikat</td><td>200.00</td></tr> <tr> <td>Restoran</td><td>200.00</td></tr> <tr> <td>Gimnasium</td><td>200.00</td></tr> <tr> <td>Kolam renang 375 meter persegi</td><td>1,000.00</td></tr> <tr> <td>Cagaran pematuhan (bayaran sekali sahaja)</td><td>10,000.00</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>15,600.00</td></tr> </tbody> </table> <p>4.3 Perlu mendapatkan perkhidmatan KDEB untuk kutipan sampah pada setiap hari serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan premis.</p>	Jenis lesen	Jumlah (RM)	Hotel (250 bilik)	4,000.00	Pejabat syarikat	200.00	Restoran	200.00	Gimnasium	200.00	Kolam renang 375 meter persegi	1,000.00	Cagaran pematuhan (bayaran sekali sahaja)	10,000.00	Jumlah	15,600.00	
Jenis lesen	Jumlah (RM)																		
Hotel (250 bilik)	4,000.00																		
Pejabat syarikat	200.00																		
Restoran	200.00																		
Gimnasium	200.00																		
Kolam renang 375 meter persegi	1,000.00																		
Cagaran pematuhan (bayaran sekali sahaja)	10,000.00																		
Jumlah	15,600.00																		

		<p>4.4 MPKL tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan atau kehilangan nyawa serta pihak pengurusan perlu mengambil langkah-langkah keselamatan dan kesihatan orang awam.</p> <p>4.5 MPKL boleh menarik semula lesen perniagaan sementara ini sekiranya terdapat aduan atau kepentingan awam di kawasan itu atau melanggar syarat yang ditetapkan.</p> <p>4.6 Pemohon tertakluk kepada arahan MPKL dari semasa ke semasa.</p> <p><i><u>Ulasan ahli mesyuarat</u></i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ahli mesyuarat meminta supaya satu lawatan tapak dapat diaturkan dalam masa terdekat. <i>Pihak JPL akan mengenal pasti tarikh yang sesuai untuk lawatan tersebut melibatkan semua Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPKL.</i></li> <li>2. Ahli mesyuarat mencadangkan supaya JPL mengenakan syarat tambahan iaitu meminta pemohon menyediakan 'life guard' di kawasan kolam renang bagi tujuan keselamatan.</li> </ol> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
<b>7.0</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>		
	7.1	Tuan Setiausaha memaklumkan telah menghadiri Mesyuarat Koordinasi Bantuan Bencana Persekutuan dan Negeri Selangor yang telah diadakan di PDTKL bagi membincangkan tatacara permohonan bantuan bencana banjir. Oleh itu, satu taklimat kepada Ahli Majlis yang terlibat akan diadakan pada 29 Disember 2021, jam 2.30 petang di PDTKL. Ahli Majlis yang berkaitan dipohon untuk menghadiri taklimat tersebut bagi membantu membuat pengesahan berkaitan	<b>Makluman</b>

	<p>bantuan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh penduduk taman perumahan yang terlibat. Manakala bantuan kepada mangsa banjir di kawasan kampung akan diselaraskan oleh MPKK, Ketua Kampung dan Penghulu yang terlibat.</p> <p>Beliau memaklumkan terdapat 10 orang Ahli Majlis dan kawasan yang terlibat iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Puan Rogayah binti Ibrahim (MPP Zon 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Medan Jaya</li> <li>- Taman Sijangkang Permai</li> </ul> </li> <li>2. Encik Razali bin Ahmad (MPP Zon 2) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Desa Wira</li> <li>- Taman Sijangkang Jaya</li> <li>- Taman Sri Medan</li> <li>- Taman Perwira</li> </ul> </li> <li>3. Encik Lim Lip Suan (MPP Zon 4) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Dato' Hormat</li> </ul> </li> <li>4. Encik Norazmi bin Mohamed Tahir (MPP Zon 5) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Pahlawan</li> <li>- Taman Sejahtera</li> </ul> </li> <li>5. Encik Haridass a/l Ramasamy (MPP Zon 6) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Ria</li> <li>- Taman Sejahtera</li> </ul> </li> <li>6. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid (MPP Zon 12) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Seri Dagang</li> <li>- Taman D'Menara</li> <li>- Taman Langat Utama</li> <li>- Taman Seri Changgang</li> </ul> </li> <li>7. Cik Ang Lee Yong (MPP Zon 15) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Banting Mewah</li> <li>- Taman Sari</li> </ul> </li> <li>8. Encik Abd Razak bin Ramli (MPP Zon 16) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Seri Sawah</li> </ul> </li> </ol>	
--	---	--

		<p>9. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman (MPP Zon 18)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Seri Muhibbah</li> <li>- Taman Seri Desa</li> </ul> <p>10. Encik Zulkipli bin Said (MPP Zon 21)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Seri Dagang</li> <li>- Kawasan Perusahaan Genting Sanyen</li> </ul> <p>Walau bagaimanapun, Ahli Majlis lain boleh turut serta dalam taklimat tersebut.</p>	
	7.2	<p>Puan Rogayah dan Puan Nor Aishah memaklumkan pejabat khidmat mereka telah dimasuki air banjir menyebabkan beberapa laporan program tidak dapat dihantar ke pejabat JKPM dalam masa yang ditetapkan. Oleh itu, beliau memohon diberikan sedikit masa untuk menghantar laporan tersebut.</p> <p><i>Pihak JKPM mengambil maklum perkara ini.</i></p>	<b>Makluman</b>
8.0	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy.		
	8.1	<p>Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Tuan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan yang hadir dalam Mesyuarat MPKL Bilangan 11 Tahun 2021 secara atas talian pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>
	8.2	<p>Terlebih dahulu beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak Cabang Parti Keadilan Rakyat Kuala Langat yang telah mencadangkan nama beliau untuk dilantik sebagai Ahli Majlis bagi tahun 2021 hingga 2022 bagi bersama-sama mencerahkan bakti kepada masyarakat di Kuala Langat.</p>	<b>Makluman</b>

		Sebagai Ahli Majlis yang telah diamanahkan untuk memberi ucapan penangguhan pada hari ini beliau ingin menyampaikan beberapa idea dan perkara yang boleh diketengahkan untuk kemajuan Kuala Langat.	
	8.3	Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua di atas penubuhan jawatankuasa induk yang khususnya ditumpukan untuk pembangunan dan kebajikan wanita. Beliau mengucapkan syabas di atas keprihatinan YBhg. Dato' Yang Dipertua dalam memberikan keutamaan kepada wanita di daerah Kuala Langat.	<b>Makluman</b>
	8.4	<p>Bencana yang melanda Kuala Langat baru-baru ini adalah satu kejadian yang menyayat hati kerana ramai penduduk telah kehilangan tempat berteduh dan harta benda. Beliau mengucapkan terima kasih kepada MPKL, Persatuan Kebajikan Masyarakat Unggul serta beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan lain yang telah mengerahkan masa dan tenaga dalam misi menyelamat mangsa banjir serta dalam menyediakan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.</p> <p>Oleh itu, beliau ingin mencadangkan agar pihak MPKL menjalankan program kesedaran dan pemulihan kepada mangsa banjir ini dan memohon pihak Majlis untuk mengutamakan program seperti ini untuk membantu penduduk Kuala Langat.</p>	<b>Makluman</b>
	8.5	<p>Beliau juga mengetengahkan isu Covid-19 dimana walau pun dilanda musibah banjir, kesedaran terdapat penularan Covid-19 masih perlu dititikberat. Walau pun SOP penjarakan manusia mungkin tidak relevan pada masa ini, namun pemakaian topeng muka serta disinfeksi di pusat-pusat pemindahan harus sentiasa diutamakan dalam mengekalkan keselamatan mangsa banjir dan sukarelawan.</p> <p>Dengan mengambil teladan daripada musibah ini, maka benarlah apa yang diperkatakan oleh organisasi pencinta alam dan pakar iklim mengenai risiko perubahan iklim. Musibah seperti ini akan kerap berlaku sekiranya semua pihak tidak mengambil langkah yang</p>	<b>Makluman</b>

		<p>sewajarnya. Antara langkah yang boleh diambil dan memerlukan tindakan segera adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan sampah agar tidak menghalang aliran air</li> <li>2. Menaik taraf sistem perparitan</li> <li>3. Menambahbaik kawasan takungan</li> <li>4. Menambah bilangan penanaman pokok dan menjagaan kawasan paya dan tanah lembap untuk meningkatkan luas permukaan takungan semulajadi</li> <li>5. Mengetatkan pengeluaran lesen pembangunan</li> <li>6. Perancangan pembangunan yang strategik</li> <li>7. Memantapkan penyediaan untuk menghadapi bencana alam dengan lebih terurus</li> </ol> <p>Oleh itu, beliau berharap pihak yang berwajib dapat berganding bahu dalam menangani masalah ini seperti pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.</p>	
	8.6	Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengucapkan Selamat Hari Natal kepada yang beragama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru yang akan menjelang tidak lama lagi. Beliau berharap tahun baru yang bakal menjelang ini akan membawa harapan dan iktibar baharu kepada semua. Semoga Kuala Langat terus maju untuk kesejahteraan rakyat.	<b>Makluman</b>
9.0		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI</b>	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Puan Thanaletchumy di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT  
BILANGAN 11 TAHUN 2021**

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 30/12/2021

Disemak oleh :

.....  
**(TPr HAJI ARPAAI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)**

Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

- |            |   |   |
|------------|---|---|
| 1. JKP     | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN                                    |
| 2. JP      | - | JABATAN PERBENDAHARAAN  |
| 3. JPPH    | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA                        |
| 4. JPL     | - | JABATAN PELESENAN   |
| 5. JPP     | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN                               |
| 6. JK      | - | JABATAN KEJURUTERAAN  |
| 7. JKB     | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN                                      |
| 8. JL      | - | JABATAN LANDSKAP  |
| 9. JKPM    | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN<br>MASYARAKAT                |
| 10. JPK    | - | JABATAN PENGUATKUASAAN  |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN<br>KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM    | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT                                   |

13. UU	-	UNIT PERUNDANGAN
14. UAD	-	UNIT AUDIT DALAM
15. OSC	-	UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB	-	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB	-	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. BSP	-	PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA

*rosmawati/mesyuarat mpkl 11/2021*



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT


## BAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA

KAWASAN PENGUATKUASAAN BAHARU TEMPAT LETAK  
KERETA AWAM

### • SUNGAI JAROM



- ▶ KAWASAN: JALAN INTAN 2
- ▶ JUMLAH PETAK: 74
- ▶ PETAK OKU: 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 0







- ▶ KAWASAN: JALAN PERMATA 1
- ▶ JUMLAH PETAK: 52
- ▶ PETAK OKU: 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 0






- ▶ KAWASAN: JALAN CERMAL 1
- ▶ JUMLAH PETAK: 34
- ▶ PETAK OKU: 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 20





- ▶ KAWASAN: JALAN BACANG 17
- ▶ JUMLAH PETAK: 50
- ▶ PETAK OKU: 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 30





- ▶ KAWASAN: JALAN JAMBU MAWAR 3
- ▶ JUMLAH PETAK: 24 PETAK
- ▶ PETAK OKU: 1
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 10




- **BANTING**





- ▶ KAWASAN: JALAN TELOK BUNUT
- ▶ JUMLAH PETAK: 69
- ▶ PETAK OKU: 4
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 0







- ▶ KAWASAN: TELOK BUNUT (TAMAN DELIMA) JALAN DELIMA, 28, 30
- ▶ JUMLAH PETAK: 94
- ▶ PETAK OKU: 1
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 0





- ▶ KAWASAN: JALAN BERINGIN (GALIAN CITY)
- ▶ JUMLAH PETAK: 96
- ▶ PETAK OKU: 1
- ▶ PETAK MOTOSIKAL: 0




- ▶ KAWASAN : JALAN EMAS 12
- ▶ JUMLAH PETAK : 67
- ▶ PETAK OKU : 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL : 0



- ▶ KAWASAN : JALAN EMAS 13
- ▶ JUMLAH PETAK : 108
- ▶ PETAK OKU : 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL : 0



- ▶ KAWASAN : JALAN EMAS 14
- ▶ JUMLAH PETAK : 40
- ▶ PETAK OKU : 0
- ▶ PETAK MOTOSIKAL : 0





# KAWASAN YANG TELAH DIWARTA

BAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA



NEGERI SELANGOR

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72	24hb Oktober 2019	TAMBAHAN No.17 PERUNDANGAN
No. 22		

Sel. P.U. 30.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

(Akta 33)

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)  
(MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT) (PINDAAN) 2019

PADA mewujudkan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 33], Majlis Daerah Kuala Langat membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kuala Langat) (Pindaan) 2019.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*

### Pindaan Jadual Pertama

- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007 [Sel. P.U. 183/2007], dipindah dengan menggantikan Jadual Pertama kepada Jadual Pertama yang berikut –

(1) <i>Tempat letak kereta (Kawasan)</i>	(2) <i>Caj tempat letak kereta yang ditetapkan</i>	(3) <i>Jenis tempat letak kereta</i>	(4) <i>Masa kawalan</i>
Jalan Duku 2, Taman Seri Medan, Telok Panglima Garang	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan Indah 2, Taman Medan Indah, Telok Panglima Garang	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan Utama 2, Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan Dendang 1, Taman Telok, Telok Panglima Garang	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan Pandan, Taman Dato Hormat, Telok Panglima Garang	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran

Jalan Rambai 2, Taman Rambai Indah, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket. Dikecualikan daripada bayaran	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan Intan 2, Taman Yayasan, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Kawasan Pasar Awam, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta bertiket.	8.00 pg – 6.30 ptg (Isnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta (Kawasan)	(3) Caj Tempat Letak Kereta yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	Masa Kawalan
25.	Jalan Rambai 2, Taman Rambai Indah, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 pg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan daripada bayaran
26.	Jalan Intan 2, Taman Yayasan, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 pg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan daripada bayaran
27.	Kawasan Pasar Awam, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 pg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan daripada bayaran
28.	Jalan Permata, Taman Yayasan, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 pg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan daripada bayaran
29.	Jalan Bunga Pekan 9, Pusat Perniagaan Uptown Banting	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 pg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan daripada bayaran

30.	Pusat tempat letak kereta, Pusat Perniagaan Uptown Banting	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa
31.	Jalan Suasa 1A, Pusat Perniagaan Suasa	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa
32.	Jalan Suasa 2, Pusat Perniagaan Suasa	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa

.....

.....

.....

.....

<i>Bil.</i>	<i>Tempat Letak Kereta (Kawasan)</i>	<i>Caj Tempat Letak Kereta yang Ditetapkan</i>	<i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	<i>Masa Kawalan</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	
49.	Jalan Telok Bunut, Taman Delima	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am-Dikecualikan daripada bayaran
50.	Jalan Sg Nangka 32, Taman Bantung Mewah	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am-Dikecualikan daripada bayaran
51.	Jalan SP 4/27, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa	8.00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am-Dikecualikan daripada bayaran

52.	Jalan SP 4/28, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa daripada bayaran	\$ 00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan
53.	Jalan SP 4/29, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa daripada bayaran	\$ 00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan
54.	Jalan SP 4/30, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa daripada bayaran	\$ 00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan
55.	Jalan SP 5/1, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa daripada bayaran	\$ 00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan
56.	Jalan SP 5/2, Bandar Saujana Putra	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak Kereta Bayar dan Peraga atau jenis-jenis lain tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa daripada bayaran	\$ 00 pg - 6.30 ptg (Isnin-Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am- Dikecualikan

(1) <i>Tempat letak kereta (Kawasan)</i>	(2) <i>Caj tempat letak kereta yang ditetapkan</i>	(3) <i>Jenis tempat letak kereta</i>	(4) <i>Masa kawalan</i>
Jalan Permata, Taman Yayasan, Sg. Jarum	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta berticket.	8.00 pg – 6.30 pg (Iasnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Jalan atau bahagian jalan yang mana petak letak kereta telahpun disediakan oleh Majlis	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berkupon. Letak kereta berticket.	8.00 pg – 6.30 pg (Iasnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran
Mana-mana tanah termasuk manan- manapun bangunan di dalam atau di atasnya terdapat petak letak kereta yang telah disediakan oleh Majlis	40 sen tiap-tiap sejam atau sebahagian daripadanya	Letak kereta bayar & peraga. Letak kereta bermeter. Letak kereta berticket. Letak kereta berkupon.	8.00 pg – 6.30 pg (Iasnin –Jumaat) Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am – Dikecualikan daripada bayaran

## JADUAL KEDUA

[perenggan 3, 8 dan 13]

### CAJ BAGI TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM DAN BERTIKET

<i>Tempat letak kereta</i>	<i>Caj tempat letak kereta</i>	<i>Jenis tempat letak kereta</i>	<i>Masa kawalan</i>
Semua jalan sebagaimana dalam ruangan (1) Jadual Pertama	40.00 sebulan	Pas Letak kereta Bulanan	8.00 pg – 6.30 pg (Isnin – Jumaat)
Semua jalan sebagaimana dalam ruangan (1) Jadual Pertama	150.00 sebulan	Letak kereta khas	8.00 pg – 6.30 pg (Isnin – Jumaat)